



# **SINERGISME PEMIKIRAN ISLAM KRITIS KREATIF**

**DR. NOOR HISHAM MD. NAWI**

# **SINERGISME PEMIKIRAN ISLAM KRITIS KREATIF**

**DR. NOOR HISHAM MD. NAWI**



**Universiti Malaysia  
KELANTAN**

Diterbitkan oleh:  
PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Tel: 09-7717191  
Faks: 09-7717182  
E-mel: [webmaster@umk.edu.my](mailto:webmaster@umk.edu.my)  
Laman Web: [www.umk.edu.my](http://www.umk.edu.my)

Cetakan Pertama 2014

Hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada  
**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN.**

ISBN 978-967-5782-53-4

**Dr. Noor Hisham Md. Nawi**  
*Pensyarah Kanan*  
Jabatan Sains Kemanusiaan  
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan

**Reka bentuk, atur huruf dan diurus cetak oleh:**  
Rimbunan Ilmu Sdn. Bhd.  
No.92-G,92-1,92-2, Blok 2,  
Wisma Salleh Saidin,  
Jalan Dwi Tasik, Dataran Dwi Tasik,  
Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.

## KANDUNGAN

|         |     |
|---------|-----|
| Prakata | vii |
|---------|-----|

|   |   |
|---|---|
| BAB 1 AKAL, BERFIKIR DAN ALAM PEMIKIRAN | 1 |
|---|---|

|  |    |
|--|----|
| • Pendahuluan .....                              | 1  |
| • Definisi Akal, Berfikir dan Pemikiran .....    | 2  |
| • Kedudukan Akal Dalam Islam .....               | 7  |
| • Proses dan Kemahiran Berfikir .....            | 8  |
| • Tujuan Berfikir .....                          | 9  |
| • Akal Sebagai Sumber Pengetahuan .....          | 13 |
| • Hubungan Akal, Roh, Qalbu Dan Nafsu .....      | 13 |
| • Prinsip Berfikir Dalam Islam .....             | 16 |
| • Batasan Akal Dan Pemikiran .....               | 18 |
| • Kelemahan Dan Kekeliruan Dalam Pemikiran ..... | 19 |
| • Rumusan .....                                  | 21 |

|   |    |
|---|----|
| BAB 2 OTAK DAN HATI SERTA HUBUNGANNYA<br>DENGAN PEMIKIRAN OPTIMUM | 22 |
|---|----|

|  |    |
|--|----|
| • Pendahuluan .....  | 22 |
| • Neuron Motor .....   | 23 |
| • Kemampuan Otak .....   | 23 |
| • Gelombang Otak .....   | 25 |
| • Otak Dan Pemikiran .....   | 26 |
| • Empat Kuandran Otak .....  | 27 |
| • Otak Dan Pemikiran Serta Hubungannya Dengan<br>Kecerdasan Emosi (EQ) Dan Rohani (SQ) ..... | 30 |
| • Hati Dan Pemikiran .....   | 34 |
| • Rumusan .....  | 39 |

BAB 3 PEMIKIRAN ISLAM DAN BERFIKIR  
SEBAGAI SEORANG MUSLIM

40

|  |    |
|--|----|
| • Pendahuluan .....                                    | 40 |
| • Tasawwur Atau Pandangan Alam Islam .....             | 40 |
| • Sumber Pemikiran Islam .....                         | 44 |
| • Pemikiran Bersepadu .....                            | 45 |
| • Sistem Dan Aturan Pemikiran Islam .....              | 48 |
| • Peringkat Aqidah Atau Iman .....                     | 48 |
| • Peringkat Shariah Atau Hukum .....                   | 50 |
| • Peringkat Akhlak Atau Kerohanian Atau Tasawwuf ..... | 53 |
| • Rumusan .....  | 56 |

BAB 4 PEMIKIRAN KRITIS ISLAM

57

|   |    |
|---|----|
| • Pendahuluan .....                                 | 57 |
| • Pemikiran Kritis .....                            | 60 |
| • Definisi Dan Konsep Pemikiran Kritis .....        | 61 |
| • Ciri-ciri Pemikiran Kritis .....                  | 62 |
| • Sifat Pemikir Kreatif .....                       | 63 |
| • Kategori Tahap Pemikiran Kritis .....             | 64 |
| • Kelebihan Pemikiran Kritis .....                  | 65 |
| • Kekurangan Pemikiran Kritis .....                 | 66 |
| • Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Islam .....   | 67 |
| • Keperluan Dan Tujuan Pemikiran Islam Kritis ..... | 68 |
| • Pemikiran Kritis Berdasarkan Pedoman Wahyu .....  | 69 |
| • Pemikiran Kritis Dan Ijtihad .....                | 71 |
| • Batas Dan Sempadan Pemikiran Kritis Islam .....   | 75 |
| • Kesimpulan .....                                  | 77 |

BAB 5 PEMIKIRAN KREATIF ISLAM

78

|  |    |
|--|----|
| • Pendahuluan .....                                | 78 |
| • Definisi Pemikiran Kreatif .....                 | 78 |
| • Ciri-Ciri Idea Kreatif .....                     | 80 |
| Sifat Pemikir Kreatif .....                        | 81 |
| • Fungsi Pemikiran Kreatif .....                   | 82 |
| • Proses Menerbitkan Idea Kreatif .....            | 83 |
| • Teknik Berfikir Kreatif .....                    | 84 |
| • Kategori Teknik Kreatif .....                    | 85 |
| • Produk Idea Kreatif .....                        | 88 |
| • Hierarki Idea Kreatif .....                      | 89 |
| • Halangan Pemikiran Kreatif .....                 | 90 |
| • Pemikiran Kreatif Menurut Perspektif Islam ..... | 91 |
| • Konsep Kreatif Dan Kreativiti Dalam Islam .....  | 91 |
| • Matlamat Kreatif Dalam Islam .....               | 92 |
| • Pemupukan Kreativiti Dalam Islam .....           | 93 |
| • Batas Dan Sempadan Pemikiran Islam Kreatif ..... | 95 |
| • Kreativiti Vs Bidaah .....                       | 97 |
| • Rumusan .....                                    | 98 |

BAB 6 SINTESIS KRITIS-KREATIF, FIKIR- ZIKIR  
SERTA PEMIKIRAN- TINDAKAN

99

|   |     |
|---|-----|
| • Pendahuluan .....                                   | 99  |
| • Aplikasi Pemikiran Kritis Dan Kreatif .....         | 100 |
| • Hubungan Pemikiran Kritis Kreatif .....             | 103 |
| • Kesepaduan Fikir (AKAL) Dan (Zikir dan Qalbu) ..... | 107 |
| • Berfikir Dan Bertindak .....                        | 111 |
| • Rumusan .....                                       | 114 |

|  |     |
|--|-----|
| • Pendahuluan .....  | 116 |
| • Pemikiran Islam Klasik .....                             | 117 |
| • Pemikiran Islam Kini .....                               | 118 |
| • Krisis Pemikiran Dan Aliran Pemikiran Songsang .....     | 123 |
| • Krisis Kerohanian Dan Hubungannya Dengan Aspek Pemikiran | 127 |
| • Aliran Pemikiran Dan Impaknya Dalam Kehidupan .....      | 129 |
| • Penutup .....  | 133 |

|   |     |
|---|-----|
| • Pendahuluan .....   | 134 |
| • Definisi Gagasan Islamisasi Ilmu .....  | 135 |
| • Sejarah Perkembangan Islamisasi Ilmu .....  | 136 |
| • Premis Idea Islamisasi Ilmu Moden .....   | 138 |
| • Proses Dan Kaedah Pelaksanaan Gagasan Islamisasi .....  | 139 |
| • Kritikan Terhadap Gagasan Islamisasi Ilmu Moden .....   | 142 |
| • Pendokong Gagasan Islamisasi Ilmu Moden .....   | 144 |
| • Gagasan Islamisasi Ilmu Moden : Medan Aplikasi Sinergisme<br>Pemikiran Islam Kritis Kreatif ..... | 146 |
| • Penutup .....   | 149 |

|  |     |
|--|-----|
| • Pendahuluan .....  | 150 |
| • Model Pemikiran Kritis Zaman Lampau<br>Imam Al- Ghazali .....                    | 152 |
| • Model Pemikiran Kreatif Zaman Lampau<br>Al-Khawarizmi .....                      | 156 |
| • Model Pemikiran Kritis Zaman Kontemporari<br>Syed Muhammad Naquib Al-Attas ..... | 159 |
| • Model Pemikiran Kreatif Zaman Kontemporari<br>Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat .....   | 163 |
| • Penutup .....  | 168 |

## PRAKATA

Segala puji dan syukur yang selayaknya bagi Allah S.W.T Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W ahli keluarga dan para sahabatnya.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan belas rahmatNya, buku ini dapat disiapkan dan dihidangkan kepada para pembaca. Buku yang terdiri daripada 9 bab ini merupakan satu lagi sambungan kepada mata rantai usaha-usaha sebelumnya untuk membangunkan umat Islam. Usaha membina semula peradaban Islam memerlukan proses tajdid dan islah secara bersepodu dan seimbang dalam semua sektor kehidupan setiap individu (rohani, intelektual, emosi dan fizikal) dan ummah (sosial, ekonomi dan politik).

Dalam konteks intelektual, kita sering berhadapan dengan dua bentuk generasi umat Islam yang tidak seimbang dari segi personalitinya hasil dari sistem pendidikan masa kini yang dipengaruhi fahaman sekularisme dan dualisme. Maka lahirlah dikotomi antara ulama dan umarak dan seumpamanya. Kesedaran sudah pun wujud tentang betapa bahayanya keadaan tersebut dan sesuatu perlu dilakukan. Namun setakat ini usaha yang dilakukan belum mencapai tahap maksimum bahkan pergerakannya menjadi semakin perlahan. Pada masa yang sama, sistem pendidikan semasa memberi tumpuan yang luar biasa terhadap aspek pemikiran kritis dan kreatif bagi menghadapi perubahan zaman yang terlalu cepat dan semakin kompleks. Namun, kebanyakan perbincangan yang dilakukan kelihatan terpisah dari konsep tasawwur Islam. Pemikiran kritis dan kreatif seolah-olah tiada kaitan langsung dengan pedoman wahyu dan petunjuk nubuwwah. Lantas timbul pelbagai persoalan yang perlu dirungkaikan. Bagaimanakah seseorang muslim patut berfikir secara kritis dan kreatif? Adakah semua perkara boleh difikirkan secara kritis dan kreatif? Penulisan ini cuba merungkaikan persoalan-persoalan tersebut dengan menjadikan pedoman wahyu sebagai asas perbincangan. Adalah diharapkan semoga buku ini dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada para pembaca khususnya kalangan para pendidik dan pendakwah serta mereka yang sentiasa mengambil berat tentang pembangunan umat Islam secara keseluruhannya.

Di kesempatan ini saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua guru-guru yang pernah mendidik diri dan juga semua penulis karya yang menjadi bahan bacaan, telaah dan rujukan dalam usaha menyiapkan buku ini. Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kedua ibu bapa (Ust. Md Nawi Mohamed dan Hajah Halimah Hussin) dan seluruh ahli keluarga (Mazidah Muhammad, Izzah Eimaani, Irfan Zuhdi, Iffah Ilhaami, Ismah Wijdaani dan Imtiyaz Ruhani) yang sentiasa memahami dan menyokong teguh di belakang. Wahai Tuhan, terimalah amalku, perkenankanlah doaku dan redhailah kehidupanku. Hanya kepadaMu jua aku bermunajat dan bermohon harap. Sesungguhnya Engkaulah Allah yang Maha Benar dan Maha Bijaksana.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Dr. Noor Hisham Md. Nawi

Universiti Malaysia Kelantan

2014

## BAB 1

### AKAL, BERFIKIR DAN ALAM PEMIKIRAN

#### PENDAHULUAN

Akal adalah alat untuk manusia berfikir. Berfikir adalah kegiatan asasi manusia. Berfikir tanda manusia hidup dan wujud secara sah. Manusia yang sudah hilang fungsi akalnya (tidak siuman) hilang status pertanggungjawaban. Beban taklifnya sudah tercabut. Rasulullah s.a.w bersabda: “*Catatan amal diangkat dari tiga orang; anak kecil hingga baligh, orang tidur hingga terbangun dan orang gila hingga sadar;*” (*Hadis riwayat Abu Dawud*). Jika terkena salah satu darinya, kelayakan seseorang untuk berurusan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial ditarik. Manusia yang terlantar sakit, tidak sedarkan diri, hidup dengan bantuan mesin pernafasan dan disahkan mati akalnya dianggap oleh syarak sebagai meninggal dunia. Justeru, akal dan kemampuan berfikir adalah tanda kewujudan manusia.

Manusia, akal dan pemikiran tidak dapat dipisahkan. Ia adalah satu kesatuan yang diketahui oleh setiap insan. Apa yang membezakan antara manusia adalah tahap, kualiti, daya, kesanggupan, kejernihan, perkara/bahan pemikiran, kaedah dan teknik manusia berfikir. Istilah berfikir diambil dari perkataan bahasa Arab ‘fakkara’. Berfikir berkait rapat dengan fungsi akal. Manusia dianugerahkan uhan dengan akal

untuk berfikir. Akal itu secara fizikalnya dinamakan otak yang terletak di kepala manusia. Pemikiran adalah hasil dari kegiatan berfikir yang mempunyai kuasa yang amat hebat. Dengan menggunakan akal sebaik-baiknya, manusia boleh mencapai kebahagiaan hidup. Namun jika disalahgunakan, akal juga berpotensi besar untuk menghancurkan manusia itu sendiri.

Mengapakah berfikir dan pemikiran amat penting dalam kehidupan manusia? Perlukah manusia mempelajari tentang berfikir dan pemikiran sedangkan manusia berfikir setiap hari? Terdapat pelbagai jawapan yang boleh diberikan. Antaranya ialah pemikiranlah yang membezakan manusia dengan makhluk lain di muka bumi ini. Selain itu, pemikiran juga penting untuk membolehkan manusia menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Melalui pemikiran, manusia membuat perubahan dan mencetuskan kemajuan selari dengan keperluan yang semakin bertambah dan semakin berbeza.

## AKAL, BERFIKIR DAN PEMIKIRAN

Akal berasal daripada bahasa Arab yang disebut *aql*. Akal secara etimologi bermakna menahan (*al-imsak*), ikatan (*al-ribat*), pembatasan (*al-hajr*), melarang (*al-nahy*) dan mencegah (*al-man'u*). Berdasarkan makna bahasa di atas, orang yang berakal adalah orang yang mampu menahan dan mengikat hawa nafsunya. Bila hawa nafsu diikat, maka datangnya akal dan rasional. Akal disebutkan dalam al-Quran sebanyak 49 kali tidak termasuk sinonimnya seperti *al-lubb* dan lain-lain. Akal diungkap hanya dalam bentuk kata kerja dan tidak ada satu pun disebut dalam bentuk kata nama.

Akal mengikut bahasa Latin ia digelar ratio dan dalam bahasa Sanskrit pula disebut budi (Endang Saifuddin 1982). Akal adalah suatu unsur dalam jiwa manusia yang berkesanggupan untuk mengerti secara teori tentang realiti alam yang mengelilinginya termasuk dirinya dan seterusnya mengubah keadaan menurut kehendaknya. Menurut ahli falsafah, akal adalah *substance* yang menerima realiti benda tetapi bebas dari benda. Akal juga adalah fakulti yang menerima dan mencapai ilmu. Para ulama berbeza pendapat mengenai definisi akal dan hakikatnya. Al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya Ulumuddin* menjelaskan bahawa perkataan akal digunakan untuk empat pengertian.

**Pertama:** Akal sebagai sifat yang membezakan manusia dari haiwan, yang memberinya persediaan untuk menerima teori-teori ilmu dan mengatur cara berfikir. Akal ini bagaikan cahaya di dalam kalbu yang dalam terang dan melaluinya, manusia sanggup mengenal segala-segalanya.

**Kedua:** Akal ialah pengertian yang terbit pada kanak-kanak dalam lingkungan usia *mumayyiz* yang dapat membezakan antara yang *jaiz* (harus) dan yang mustahil.

**Ketiga:** Akal ialah ilmu yang diperolehi dari ujian dan pengalaman. Orang yang melalui pengalaman pada kebiasaananya dikatakan berakal.

**Keempat:** Akal ialah kekuatan naluri yang tumbuh menjadi kesanggupan untuk mengenali akibat dari segala perbuatan dan sanggup pula mengendalikan nafsu kelazatan segera dan dapat menguasainya. Apabila berhasil, maka orang ini dinamakan berakal.

Yang pertama adalah sumber dan akar manakala yang kedua ialah dahan utama. Yang ketiga adalah ranting kerana dengan kekuatan naluri dan kecerdasannya, manusia memperolehi pengalaman. Dan yang keempat adalah buah yang bernas dan inilah tujuan yang terakhir. Yang pertama dan kedua diperolehi secara tabii, sedangkan yang ketiga dan keempat harus dicapai dengan *kasab* (usaha). Yang diperolehi secara alamiah inilah yang dimaksud dalam sabda Nabi S.A.W.: *Tidaklah ada makhluk Allah 'Azza wa Jalla yang diciptakan-Nya, lebih mulia kepada-Nya, daripada 'aqal* (Riwayat al-Tirmizi dan al-Hakim – dha'if). Ini kerana dalam akal telah tersedia *nur ilahiyyah*. Yang diperolehi dengan usaha-kasab pula adalah sebagaimana yang dimaksud dengan sabda Nabi s.a.w. : *Jika manusia mendekatkan diri kepada Tuhan dengan pintu-pintu kebaikan dan amal-amal salih, maka anda dengan akal anda* (riwayat Abu Nu'aym dalam al-Hilyah dari hadith 'Ali – dha'if). Ini kerana dengan usaha-kasab, akal dapat mencari ilmu dan kebenaran dan dengan itu, ia memandu ke arah mendekatkan diri kepada Allah.